

# Negara Islam: Pas kena tegas

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Pas perlu bertegas dengan rakan-rakan sekutunya di dalam pakatan pembangkang mengenai matlamat parti itu untuk menubuhkan sebuah negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

Pensyarah Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, kedua-dua parti iaitu Pas dan DAP adalah terlalu berbeza dan ekstrem dari segi perjuangan masing-masing.

“Matlamat mereka satu iaitu untuk menumbangkan UMNO dan BN tapi apabila realiti menjelma, cabarannya amat sukar untuk mereka duduk semeja dan sependapat,” katanya.

“Reaksi berbeza pemimpin Pas tersebut menunjukkan parti berkenaan terpaksa ‘bermain wayang’ agar terus kekal dalam pakatan pembangkang dan pada masa sama, tidak hilang penyokong tegarnya di peringkat akar umbi,” ujarnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.